

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23 June 2015

PM sampaikan zakat ^{Ulm} Kumpulan Felda RM23.1j _{-23/6/2015}

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 22 JUN

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyerahkan zakat perniagaan Kumpulan Felda untuk tahun 2014 bernilai RM23.1 juta.

Zakat perniagaan itu dibayar kepada 14 pusat zakat negeri iaitu bagi negeri-negeri di mana Kumpulan Felda menjalankan operasi perniagaannya.

Jumlah itu merangkumi pembayaran oleh Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) sebanyak

RM18.3 juta; Koperasi Permodalan Felda (KPF), RM4.1 juta; Koperasi Kakitangan Felda Malaysia Berhad, RM121,476 dan Koperasi Pekerja Felda Malaysia Berhad sebanyak RM39,357.

Felda dalam satu kenyataannya memberitahu, pembayaran zakat itu adalah berasaskan perkembangan perniagaan Kumpulan Felda yang berterusan sekali gus memberikan peluang untuk membantu lebih ramai masyarakat Islam yang memerlukan.

Terdahulu, Perdana Menteri bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor menghadiri majlis berbuka puasa bersama menteri-menteri Kabinet, wakil kedutaan, wakil

majlis agama negeri, wakil syarikat milik kerajaan (GLC), Pengurusan Kumpulan Felda dan ketua-ketua peneroka Wilayah Felda.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan kepada 50 orang anak yatim daripada Pertubuhan Kebajikan Insaniah Sri Kandi, Kuala Lumpur.

Najib dan Rosmah kemudiannya menunaikan solat fardu isyak dan solat sunat tarawih bersama menteri-menteri Kabinet dan hadirin yang hadir.

Antara yang hadir pada majlis itu ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Kemajuan Luar Bandar dan

Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nancy Shukri dan Datuk Mah Siew Keong serta Menteri Kesihatan, Datuk Dr. S. Subramaniam.

Tidak ketinggalan ialah Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia; Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang; Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man; Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman dan Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abd. Samad.